

Publication	Majalah PC
Date	January 2014
Page	Trend, Page 27

LATIHAN KRISIS SIBER NEGARA

Kerajaan melancarkan dasar dan mekanisme pengurusan krisis siber negara. Dasar ini memperkukuhkan kesediaan benteng pertahanan siber negara di kalangan agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara.

Bagi menangani isu ancaman siber yang memberi cabaran kepada kesejahteraan ekonomi dan keselamatan negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Latih Amal Krisis Siber Negara 2013 (X-MAYA 5).

Acara tahunan ini bertujuan untuk menguji keberkesanan prosedur yang telah dibangunkan di bawah Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan) melalui penilaian kesediaan dan tindak balas agensi-agensi Infrastruktur Kritikal Maklumat Negara (CNII) terhadap serangan siber.

GCN DAN MANTLE

X-MAYA 5 2013 mencatatkan pencapaian dalam sejarah penganjuran program ini semenjak tahun 2008 dengan bilangan penyertaan yang tertinggi iaitu 98 agensi-agensi awam dan swasta yang mewakili 10 sektor CNII iaitu kesihatan, air, perbankan dan kewangan, maklumat dan komunikasi, tenaga, pengangkutan, pertahanan dan keselamatan, kerajaan, makanan dan pertanian, dan perkhidmatan kecemasan.

Satu dokumen dasar negara, 'Arahan Majlis Keselamatan Negara No 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara' juga telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin. Arahan eksekutif ini menggariskan strategi Malaysia dalam menghadapi krisis siber dan tindak balas melalui kerjasama sektor awam dan swasta serta penyelarasan melibatkan agensi CNII.

PERANAN BESAR

Peranan dan tanggungjawab semua agensi CNII diperincikan dalam dokumen ini. Terdapat enam prinsip utama di bawah arahan ini iaitu Struktur Pengurusan Krisis Siber Negara; Tahap Ancaman Siber Negara; Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (CERT); Mekanisme Perlindungan Keselamatan Siber; Prosedur Tindak


Balas, Komunikasi dan Penyelarasan serta Program Kesiapsiagaan.

CyberSecurity Malaysia menyediakan prasarana dan sokongan teknikal dalam menjayakan X-MAYA 5 ini. "Pelibatan CyberSecurity Malaysia dalam latih amal krisis siber Negara atau X-MAYA 5 ini adalah berdasarkan kepada pengalaman melalui penganjuran latih amal siber serantau iaitu bersama Organisation of the Islamic Conference - Computer Emergency Response Team (OIC-CERT) dan Asia Pacific Computer Emergency Response Team (APCERT) serta kebolehan dan kepakaran kami dalam menangani pelbagai insiden keselamatan siber melalui Pusat Bantuan Cyber999 dan Pusat Penyelidikan Malware," kata Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab.

MISI NEGARA

Ekosistem ini akan memacu secara langsung perkembangannya dengan kadar keberkesanan jangka masa panjang. Selaras dengan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara ekonomi digital yang maju menjelang tahun 2020 melalui penggunaan secara meluas teknologi komunikasi dalam semua aspek ekonomi, maka ia adalah penting bagi mewujudkan sebuah ekosistem terjamin dalam persekitaran siber.

X-MAYA menyediakan penilaian yang teliti ke atas agensi-agensi CNII Malaysia untuk memperkuat lagi tindak balas kecemasan negara menerusi prosedur yang kukuh demi memastikan pemantauan CNII yang berkesan, laporan insiden dan tindak balas, penyebaran komunikasi yang efektif dan kesinambungan pengurusan perniagaan. **PC**



Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin (Tengah), melancarkan 'Arahan Majlis Keselamatan Negara No 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara' sambil disaksikan oleh Datuk Seri Shahidan Kassim (Kiri) dan Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab (Kanan) semasa Majlis Penutupan Latih Amal Krisis Siber Negara 2013 (X-MAYA 5).